



# Jurnal Kamaritiman: Indonesian Journal of Maritime

Alamat Jurnal: <https://ejournal.upi.edu/index.php/kamaritiman>



## Dispora Homo-Sapiens Berbariskan Manusia Pelaut Di Kepulauan Asia Tenggara Dan Lahirnya Teori Manusia Keluar Jawa (*Theory Out Of Java-Man*): Satu Pemikiran Dari Perspektif Kelautan

Ismail Ali<sup>1</sup>, Encep Supriatna<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Universitas Malaysia Sabah

<sup>2</sup>Universitas Pendidikan Indonesia

### ABSTRACT

Traditionally, seas and oceans have become sources of inspiration in seeking the truth from facts to dispell the worldview of those who tended to asscoiate it with myths and superstitions. In fact, it is not far-fetched to suggest that the change and development in present day Southeast Asia, from traditional kingdoms to modern nation-states are intimately rooted in and shaped by the contributions of our seafaring ancestors. History demonstrates how they risked as well as as sacrificed their lives crossing treacherous waters and encountering stormy weathers just to ensure their legacy and continuity of the future generations of seafarers, and turning this region into an epicentre of civilization that was second to none in the world of civilizations. Yet, their thousands of years of contributions and sacrifices appear trivial and paled to insignificance like "shipwrecks laying at the bottom of the sea in their forgotten watery graves". Based on several theories of the development of traditional civilizations in the Nusantara like the Out of Yunan and Out of Taiwan theories by western scholars, it appears that these theoretical paradigms have marginalized the realities of history, and therefore require to be "straightened" via a Southeast Asia centric perspective. This writing is to revisit the salience of the ancient epoch and pre- historic man marked by the arrival of the homo-eractus and homo-sapiens from mainland Asia to this region in the early journey and development of the history of maritime civilization; to explain how the seafaring communities from the eras B.C. (Before Christ) to A.D. (Anno Domini) were able to utilise seas and oceans as a source of emancipation and

### ARTICLE INFO

#### Article History:

Submitted/Received 15 002 2023

First Revised 22 002 2023

Accepted 17 003 2023

First Available online 25 005 2023

Publication Date 01 006 2023

#### Keyword:

development, and eventual rise as feared and respected seafarers of the ancient world.

© 2023 Kantor Jurnal dan Publikasi UPI

## 1. PENDAHULUAN

Dengan mengambilkira laut dan lautan ini telah wujud sejak jutaan tahun yang lalu, memandang laut dan lautan sebagai suatu yang mengerikan dan keterbatasan kajian mengenainya, maka sudah pastinya bukanlah menjadi satu tugas yang mudah untuk merungkai sejarahnya. Dengan berlatarbelakangkan fakta geografi bahawa sekitar 70% keluasan muka bumi adalah terdiri daripada air terutama laut dan lautan; kehidupan makhluk di dalamnya penuh dengan mistri; suatu dunia yang dibayangi dengan pelbagai mitos dan tahuul dan sebagainya telah menyebabkan dunia kelautan ini lambat diteroka dan di jelajah oleh manusia berbanding dengan dunia daratan. Boleh dikatakan kesedaran para sarjana akan peri pentingnya untuk memahami dan menguasai ilmu berkaitan kelautan ini mula timbul apabila mula menyedari peranan dan sumbangan laut, lautan dan suku pelaut dalam membina sebuah peradaban atau tamadun di dunia. Bermula dengan ilmu pengetahuan dan teknologi pelayaran yang agak terbatas tetapi mempunyai semangat dan keberanian yang tinggi maka para pelaut pra-sejarah (pra-aksara) mula berhasil menyatukan tanah daratan dengan laut, lautan dan pulau sebagai sebuah kesatuan dan bukanya secara terpisah.

Apabila berakhirnya zaman pra-sejarah dan munculnya zaman sejarah yang ditandai dengan kemunculan pelbagai kerajaan awal dunia telah memperlihatkan kesungguhan para pemerintah, pelayar dan pedagang bukan sahaja menguasai laut disekeliling mereka tetapi juga lautan lepas yang ditandai dengan kegigihan dan keberanian para pelaut Arab, Parsi, India, Funan, China dan Kepulauan Asia Tenggara atau Nusantara mengharungi pelbagai laut dan lautan dunia untuk tujuan bermigrasi dan berdagang yang akhirnya muncul menjadi kuasa utama maritim dunia. Sejarah kejayaan mereka ini akhirnya telah membuka minda para pelaut dan pedagang Eropah bukan sahaja berpaksikan daratan tetapi juga memandang laut dan lautan sebagai agenda penting pembentukan sebuah negara- bangsa. Justru itu tidak hairanlah mengapa bermula pada abad ke-6 hingga abad ke-19, laut dan lautan utama dunia mula dihiasi dengan pelbagai perahu dan kapal bukan sahaja untuk kepentingan perdagangan tetapi juga perluasan empayar.

## 2. BEBERAPA TEORI AWAL DISPORA HOMO-SAPIENS DI ASIA TENGGARA

Sebelum membincangkan lebih lanjut berhubung pensejarahan dan dispora homo-sapien di Asia dan Kepulauan Asia Tenggara, kita hendaklah terlebih dahulu mentelaah beberapa teori yang telah dibangunkan oleh pelbagai sarjana terdahulu. Secara amnya terdapat dua aliran teori utama yang membahaskan dispora dan sejarah awal pembinaan peradaban awal di rantau ini iaitu (1) berasal dari luar seperti Theory Out of Yunan, Theory Out of Taiwan dan Theory Out of Africa dan (2) berasal dari dalam sendiri seperti yang didukung oleh Theory of Sundaland, Theory of Atlantis, Theory of Nusantao, Theory Out of Atlantis dan Teori Nusantara. Dalam Theory Out of Yunan berpendapat bahawa nenek moyang di rantau adalah berasal dari luar wilayah ini iaitu dari wilayah Yunan yang terletak di bahagian selatan China. Antara tokoh yang mendukung teori ini termasuklah J.H.C. Kern, Robert Barron van Heine Geldern, N.J. Krom dan Moh Ali dan lain-lain lagi. Antara hujah para pendukung teori ini termasuklah ditemukan kapak tua di wilayah ini yang menyerupai kapak tua yang terdapat di kawasan Asia Tengah dan bahasa Melayu yang berkembang mempunyai persamaan dengan bahasa Champa di Kemboja.

Mereka juga berpendapat bahawa kedatangan manusia dari wilayah Yunan ke rantau ini adalah melalui tiga gelombang utama iaitu migrasi orang Proto-Melayu diperkirakan berlaku sekitar 2,500SM; orang Deutro-Melayu diperkirakan berlaku sekitar tahun 1,500SM dan orang Negrito yang diperkirakan berlaku sekitar 1,000SM. Berdasarkan kepada teori Geldern juga menyatakan penghijrahan moyang dari selatan China iaitu Yunan ke wilayah-wilayah di rantau ini telah menyebabkan terbentuknya sebuah peradaban baharu yang bercirikan peradaban pelaut (nomadic), perantau dan pedagang. Seterusnya dalam Theory Out of Taiwan yang dipopularkan oleh Peter Bellwood pula berpendapat bahawa moyang di rantau ini berasal dari Taiwan atau Formosa. Sementara itu berdasarkan kepada teori Diffusionist (Penyebaran) bahasa yang dipopularkan oleh Robert Blust pula menyatakan bahasa Austronesia yang banyak dituturkan oleh orang-orang di rantau ini adalah berasal dari Taiwan yang juga tergolong dalam rumpun Austronesia. Dalam hal ini, Bellwood dan Blust bersepakat bahawa manusia Austronesia yang berasal dari Taiwan ini telah tiba di Asia dan Kepulauan Asia Tenggara sekitar tahun 4,000SM.

Dalam teori Out of Africa pula yang didukung oleh James Watson dan Max Ingman (ahli genetik dari Amerika Syarikat) pula berpendapat bahawa moyang manusia di Asia dan Asia Tenggara adalah berasal dari Afrika. Menurut teori ini, manusia Afrika ini telah memasuki wilayah Asia sebelum berakhirnya zaman pencairan air batu iaitu sebelum berlakunya pemisahan dan pembentukan tanah daratan dan pulau-pulau yang ada pada hari ini. Menurut teori ini lagi, manusia Afrika ini telah bermigrasi keluar Afrika menuju ke Asia sekitar tahun 100,000SM dahulu dan tiba di Asia dan Asia Tenggara iaitu sekitar 50,000SM dan seterusnya menyebar lagi ke Papua dan Australia sekitar 40,000SM. Sementara itu dalam Theory of Sundaland yang dipelopori oleh Stephen Oppenheimer, Theory of Atlantis yang dipelopori oleh Arysio Nunes Dos Santos, Theory of Nusantao yang dipelopori oleh Wilhelm G. Solheim dan Teori Nusantara yang dipelopori oleh Mohammad Yamin J. Crawfurd, K. Hilmy, Sutan Takdir Alisjahbana dan Gregorius Keraf pula berpendapat bahawa pembinaan tamadun di wilayah ini bukan dibawa dari luar tetapi sebaiknya dibangunkan sendiri oleh manusia purba yang ada di Asia dan Kepulauan Asia Tenggara atau lebih tepatnya lagi dari satu wilayah iaitu Pentas Sunda (Sundaland) dan Pentas Sahul (Sahulland).

Pada masa kini timbul pelbagai persoalan dan kekeliruan dalam kalangan massa berhubung siapakah sebenarnya nenek moyang kita; apakah nenek moyang kita berasal dari Taiwan atau tanah besar Asia atau sebaliknya iaitu berasal dari Kepulauan Asia Tenggara;

apakah benar nenek moyang kita berbariskan manusia dan budaya pelaut dan sebagainya. Persoalan-persoalan ini biasanya timbul disebabkan kegagalan kita untuk memahami sejarah lampau (pra-sejarah); lebih cenderung untuk mengetahui pencegarahan rantau ini semasa zaman penjajahan oleh kuasa-kuasa barat, perjuangan menutut kemerdekaan dan ke arah pembentukan sebuah negara bangsa. Dalam erti kata lain, sikap dan tindakan membelaangi pencegarahan zaman pra-sejarah (pra-aksara) ini telah menyebabkan kita gagal untuk memahami sejarah "total" itu sendiri. Setelah menilai kembali teori-teori berhubung sejarah pembinaan peradaban di rantau ini yang telah dijelaskan sebelum ini nampaknya telah menimbulkan satu persoalan pokok iaitu aliran manakah yang harus kita terima sebagai landasan dalam memahami sejarah asal-muasal nenek moyang kita.

Perlu diingat di sini walaupun zaman pra-sejarah selalu dianggap sebagai "zaman tiada sejarah" kerana belum mempunyai bentuk tulisan rasmi untuk merakamkan sejarah manusia purba namun perlu disadari juga bahawa zaman pra-sejarah ini tetap mempunyai peristiwanya yang tersendiri yang diterjemahkan dalam bentuk-bentuk artifak dan kesenian seperti lukisan gua (art rock). Selain dari itu, harus juga diingat bahawa peradaban yang pernah wujud semasa zaman pra-sejarah juga tidak boleh disamakan dengan di rantau ini setelah memasuki zaman sejarah (zaman tulisan). Juga harus dicermati bahawa peradaban manusia awal yang ditandai dengan sebelum berlakunya kenaikan dan penurunan paras air laut yang diperkirakan telah berlaku sekitar tahun 12,000SM, 9,500SM dan 6,000SM adalah berbeza-beza pencegarahan dan peradabannya.

Sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini, teori kasik berpendapat bahawa nenek moyang manusia Austronesia di Kepulauan Asia Tenggara ini adalah berasal dari tanah besar China (Yunan) dan Pulau Taiwan dan dikatakan telah melakukan beberapa siri gelombang penghijrahan beribu-ribu tahun sebelum abad masehi lagi. Dalam erti kata lain teori klasik ini seolah-olah mentafsirkan "tiada kebudayaan manusia" yang wujud di rantau ini dan Oceania sebelum dan semasa berlakunya kenaikan paras air laut akibat pencairan air batu yang dianggarkan terjadi pada tahun 6,000SM. Sebelum kedatangan bangsa Austronesian dari Yunan dan Taiwan ke rantau ini, Kepulauan Asia Tenggara hanya diibaratkan sebagai cul-de-sac iaitu satu "jalan mati" atau "jalan buntu" yakni tidak melahirkan apa-apa peradaban melainkan menerima peradaban dari luar sahaja.

Kajian dan penemuan terkini yang dilakukan oleh para sarjana yang mewakili "aliran baharu" nampaknya mula meragui dan mempersoalkan kebenaran teori klasik yang berpendapat bahawa pembinaan peradaban di rantau ini dan Oceania adalah dibangunkan sendiri oleh manusia kuno dari dalam sendiri walaupun tidak menyebut secara langsung manusia purba ini berasal dari Afrika. Berbalik semula kepada persoalan memandang kembali sejarah pra-aksara di rantau ini, banyak ahli sejarawan berpendapat bahawa telah wujudnya peradaban awal di Kepulauan Asia Tenggara iaitu semasa zaman Pleistosen dan Holosen lagi. Para sejarawan selalunya mengaitkan pandangan ini dengan kehadiran satu spesies manusia tertua di dunia dari Afrika iaitu homo-erectus yang juga dikenali sebagai "upright-man". Berdasarkan kepada Theory Out of Africa yang juga disebut sebagai Replacement Theory telah menyatakan bahawa manusia purba dari Afrika telah mula keluar dari Afrika dan menyebar ke pelbagai pelusuk dunia sejak 1.9 juta hingga 15,000 tahun yang lalu.

John Hayward dalam bukunya yang berjudul The Great Migration From the Earliest Human to the Age of Globalization juga telah membincangkan secara panjang lebar dan terperinci bagaimana manusia purba dari Afrika pada zaman "Old World" telah mula keluar dari Afrika dan menyebar ke pelbagai pelusuk dunia telah mewujudkan pelbagai tamadun utama dunia pada masa kini baik di Eropah, benua Amerika, Timur Tengah, Asia, China, Asia Tenggara dan

Australia. Dalam mukadimah bukunya ini, John Hayward telah memperlihatkan bagaimana migrasi manusia keluar Afrika ini telah mengubah lanskap peradaban dunia seperti berikut:

"Since human first left their evolutionary cradle in Africa 100,000 years ago, migrations have been one of the great driving forces of historical change. At no time has this been more true than today, when the forces of economic globalization have set so much of the world's population on the move. This is an exciting time in the study of historical migrations. New scientific developments in genetics and isotope analysis are quite literally revolutionizing our understanding of human history... Even prehistoric migrations for which there are no written records at all can now be reconstructed with astonishing precision... It is because of this that immigrant societies are so often dynamic societies"

Dalam konteks Kepulauan Asia Tenggara dan Oceania, mereka ini dikatakan telah berhijrah dan tiba di wilayah ini sekitar tahun 50,000SM terutamanya ke Pulau Jawa, Kalimantan, Pulau Flores dan akhirnya ke benua Australia dengan berjalan kaki sahaja. Menerusi evolusi masa, manusia homo-erectus ini akhirnya punah dan digantikan oleh pewarisnya yang dikenali sebagai manusia homo-sapiens atau "wise-man"<sup>6</sup> sekitar tahun 25,000SM yang dikatakan menjadi manusia moden pada hari ini. Menurut para sejarawan dan ahli arkeologi lagi, manusia awal homo-erectus yang datang ke rantau ini belum lagi memiliki teknologi pelayaran dan hanya melakukan migrasi menuju ke bahagian selatan Kepulauan Asia Tenggara dengan menggunakan sarana darat sahaja iaitu berjalan kaki bersesuaian dengan bentuk fizikal muka bumi pada waktu itu yang masih lagi bercantum antara satu sama lain.

### **3. MUNCULNYA JAVA MAN (*HOMO-SAPIENS*) DI KEPULAUAN ASIA TENGGARA**

Walaupun tiada data-data yang jelas menunjukkan jalan atau laluan dan penyebaran manusia homo-erectus dari Afrika ini namun berdasarkan kepada kajian genetik, fizikal dan arkeologi terkini dapatlah diandaikan bahawa mereka ini telah sampai dan membuat petempatan di Asia dan Asia Tenggara. Melalui perubahan masa mereka ini telah melakukan migrasi lagi menuju ke bahagian selatan lagi semasa wilayah-wilayah di rantau ini dan berpecah kepada dua kumpulan dan arah iaitu (a) satu kumpulan menuju ke Pulau Borneo dan (b) satu kumpulan menuju ke Pulau Jawa. Berdasarkan kepada perubahan masa dan semasa wilayah-wilayah di rantau ini masih lagi bercantum iaitu sekurang-kurangnya sebelum tahun 12,000SM maka adalah diyakini bahawa mereka ini terutamanya yang berada di Pulau Jawa yang menjadi petempatan utama manusia Afrika ini telah meneruskan lagi migrasi keluar dari Sundaland menuju Sahuland iaitu menuju ke bahagian timur Kepulauan Asia Tenggara terutamanya ke Sulawesi dan Papua New Guinea dan benua Australia.

Berdasarkan kepada bukti-bukti arkeologi menunjukkan bahawa manusia homo-sapiens yang telah menggantikan manusia homo-erectus ini secara perlahan-lahan mula membangunkan teknologi pelayaran kuno untuk bergerak secara jarak dekat dari satu wilayah ke wilayah lain di Pentas Sunda dan Pentas Sahul selepas tahun 12,000SM yang lalu. Contohnya, dari Papua New Guinea, sebahagian daripada pelaut homo-sapiens ini dikatakan telah menyebar kembali ke wilayah-wilayah di Kepulauan Asia Tenggara (Sundaland) terutamanya ke Kepulauan Maluku lalu menetap di Pulau Gebe yang terletak di antara Halmahera dan Papua. Selain Kepulauan Maluku, manusia homo-sapiens ini juga telah bermigrasi ke Kepulauan Talaud, Sulawesi dan bahagian pesisir timur Kalimantan. Apa yang jelas di sini ialah penyebaran atau migrasi manusia homo-sapiens ini tidak mungkin dilakukan melalui jalan darat kerana pada waktu ini telah berakhirnya zaman pencairan air batu dan telah terbentuknya tanah daratan dan laut-laut sepetimana yang terdapat pada masa kini.

Terdapat dua hipotesis yang dapat dijadikan asas dalam penelitian ini iaitu (1) telah wujudnya budaya kelautan di wilayah-wilayah Austronesia, Polynesia, Micronesia dan Melanesia oleh manusia pra-sejarah (*homo-sapiens*) yang telah mendiami Kepulauan Asia Tenggara semasa zaman pra-sejarah itu sebelum berlakunya kenaikan paras air laut tidak berlakunya migrasi secara terbuka oleh suku-suku aborigin atau peribumi yang berasal dari Taiwan menggunakan sarana laut menuju ke Filipina dan seterusnya menyebar ke seluruh wilayah Austronesia, Polynesia, Micronesia, Melanesia tetapi adalah sebaliknya iaitu suku-suku pelaut yang berasal dari rantau ini atau lebih tepatnya dari Filipina dan yang mengakibatkan perubahan bentuk fisikal di Pentas Sunda dan Pentas Sahul Sulawesi yang telah melakukan migrasi ke Taiwan dan berasimilasi pula dengan penduduk aborigin di sana dan membawa suku-suku aborigin dari Taiwan ke Filipina.

Wilhelm G. Solheim telah menemukan petempatan dan pelbagai tinggalan artifak manusia kuno yang dianggarkan berusia 40,000 tahun dahulu dan menyimpulkan tamadun di wilayah ini telah bermula lebih awal dari tamadun China dan India atau mana-mana tamadun lain di dunia. Beberapa petempatan berupa gua-gua zaman kuno telah ditemui di Asia Tenggara oleh para ahli arkeologi sekitar tahun 1960-an dan 1970-an. Di Malaysia, Gua Niah di Sarawak (Pulau Kalimantan) dikatakan sebagai antara petempatan tertua di Asia Tenggara yang dikatakan telah diduduki oleh manusia sejak 40,000 tahun lalu. Begitu juga ekskavasi di Lembah Lenggong yang dilakukan oleh para arkeologi Malaysia yang diketuai oleh Zurina Majid dan Adi Taha telah menemukan rangka manusia yang dikenali sebagai Perak Man yang dianggarkan berusia 74,000 tahun.

Di Thailand dikatakan terdapat tiga kawasan kediaman zaman kuno yang telah ditemukan oleh para ahli arkeologi yang dianggarkan berusia 12,000SM hingga 6,000SM iaitu zaman Neolitik (Zaman Batu Baharu) berdasarkan kepada kaedah carbon dating seperti di Spirit Caves yang terletak di barat laut, Non Nok Tha di utara dan Ban Chiang di sebelah timur laut. Dalam penggalian di tapak-tapak tersebut ditemui pelbagai artifak berupa barang tembikar, mata kapak dan pisau yang diperbuat daripada batu keras. Turut ditemui juga ialah sisa sekam padi dan pelbagai sisa tumbuhan yang dijadikan makanan dan sekaligus menggambarkan manusia purba ini telah menjalankan aktiviti bertani lebih awal dari tarikh 6,000SM lagi. Arysio Nunes Dos Santos<sup>7</sup> dalam bukunya yang berjudul Atlantis: The Lost Continent Finally Found yang telah membuat pelbagai penelitian berhubung teori keberadaan dan lokasi Atlantis di seluruh dunia akhirnya merumuskan bahawa peradaban ini berada di pentas Sunda dan menggelarkan manusia yang wujud pada zaman itu sebagai “manusia air” dan “manusia perenang”.

Biarpun kenyataan yang dibuat oleh Santos ini tidak didukung dengan bukti-bukti yang kukuh namun berdasarkan kepada catatan dan gambaran yang dibuat oleh Plato. Plato dalam dua dialognya yang tersohor tentang Atlantis iaitu Timaeua dan Critias menggambarkan wilayah ini sebagai “Dunia Lama” mempunyai pulau-pulau yang disebutnya sebagai nesos, bergunung-ganang, berlakunya letusan gunung berapi (teori Lempeng Tektonik), kaya dengan pelbagai mineral berharga dan masyarakatnya hidup dalam suasana yang aman damai. Dos Santos berasa yakin bahawa peradaban Atlantis ini berada di Sundaland (Lautan Pasifik) berdasarkan kepada pelbagai kebersamaan geografi yang diberikan oleh Plato menyamai geografi Kepulauan Asia Tenggara dan fakta pencairan air batu (glasier) yang menenggelamkan wilayah-wilayah dunia hanya berlaku di rantau ini berbanding dengan lain-lain wilayah di dunia. Stephen Oppenheimer<sup>8</sup> dalam bukunya yang berjudul Eden in the East: The Drowned Continent of Southeast Asia juga berpendapat bahawa Kepulauan Asia Tenggara iaitu merujuk kepada kawasan pentas Sunda seluas 6 juta kilometer persegi

merupakan tempat lahirnya tamadun pertama di dunia yang dikatakan telah tenggelam akibat kenaikan paras air laut sekaligus menandakan berakhirnya zaman pencairan air batu.

Dalam penulisannya Oppenheimer telah membayangkan bahawa peradaban Lemuria (Pentas Sahul) dan peradaban Altantis (Pentas Sunda) sebagai peradaban tertua manusia dan berada dalam kelasnya yang tersendiri dan pernah menjadi buruan para penjelajah barat dan pencarian manusia terhadap tamadun ini masih lagi berlaku sehingga hari ini terletak di Kepulauan Asia Tenggara dan Oceania. Tamadun Lemuria dikatakan merupakan peradaban kuno yg muncul terlebih dahulu sebelum peradaban Atlantis yang wujud sekitar tahun 75,000SM. Oppenheimer juga berpendapat bahawa tamadun Lemuria yang wujud di Pentas Sahul telah mengalami zaman kemasuhan akibat kemunculan tamadun Atlantis dan persengketaan yang berpanjangan di antara dua tamadun ini. Tamadun Atlantis yang menggantikan tamadun Lemuria yang terletak di Pentas Sunda juga dikatakan lebih maju berbanding tamadun Lemuria dan berada dalam kelasnya yang tersendiri iaitu mempunyai kota-kota pemerintahan, petempatan dan memiliki teknologi yang tinggi dalam hal-ehwal perdagangan, pertanian dan ketenteraan.

Namun demikian tamadun Atlantis juga mengalami zaman kemasuhanannya dan lenyap daripada muka bumi apabila berlakunya peningkatan paras air laut dan penduduk Altantis yang terselamat ini telah bermigrasi ke tanah besar di Benua Asia dan benua Eropah dan membina pelbagai peradaban atau tamadun baharu di sana. Oppenheimer juga mengatakan bahawa manusia Atlantis yang telah berjaya membina pelbagai membina peradaban baharu di benua Asia dan benua Eropah ini telah melakukan semula migrasi ke Kepulauan Asia Tenggara yang dianggarkannya berlaku selepas tahun 5,000SM iaitu selepas penurunan kembali paras laut dan terbentuknya tanah daratan dan pulau sepertimana yang ada masa kini. Menurut Oppenheimer lagi, para penghijrah ini telah mewujudkan dua buah tamadun baharu berasaskan budaya Neolitik (Zaman Batu Baru) di sebelah timur Indonesia dan selatan Filipina (sekitar Sulawesi).

Oppenheimer merumuskan bahawa budaya bertani secara sistematik telah wujud di Indonesia lebih awal lagi berbanding lain-lain kawasan di tanah besar Asia dengan terjumpanya sisa ubi liar dan keladi yang dianggarkan berusia antara tahun 15,000SM-10,000SM di Indonesia iaitu sebelum berlakunya banjir besar lagi. Walaupun kajian dan penulisan yang dilakukan oleh Oppenheimer ini lebih berbentuk hipotesis dan teori disebabkan kekurangan bukti-bukti yang saintifik namun sekurang-kurangnya kajian dan penulisan ini telah melahirkan satu teori baharu untuk mengimbangkan teori klasik bahawa pembinaan peradaban di wilayah ini dibawa dari Yunan dan Taiwan dan bukannya dibangunkan oleh manusia homo-eractus dan homo-sapiens yang telah sekian lama menetap di Pentas Sunda. Oki Oktariadi<sup>9</sup> dalam makalahnya yang berjudul "Nusantara di Pusaran Awal Peradaban Dunia" dalam satu persidangan bertemakan "Diskusi Pengaruh Peradaban Nusantara di Dunia" di Jakarta pada tahun 2010 telah menyatakan bahawa sebelum berlakunya peningkatan paras air laut sekitar 8,000SM dahulu, Kepulauan Asia Tenggara masih lagi bergabung dengan Benua Asia yang kita kenali sebagai Paparan Sunda (Sundaland) dan telah dihuni oleh manusia pra- sejarah. Menurut beliau:

"...Namun ketika bumi memanas, timbunan es yang ada dikutub meleleh dan mengakibatkan banjir besar yang melanda dataran rendah di berbagai penjuru dunia...ada tiga banjir besar yang terjadi pada sekitar 14,000, 11,000 dan 8,000SM lalu. Banjir besar yang terakhir bahkan menaikan muka air laut hingga 5-140 meter lebih tinggi dari yang sekarang. Yang paling besar dilanda banjir adalah Sundaland dan pantai Cina Selatan. Sundaland akhirnya menjadi pulau-pulau, yaitu Kalimantan, Jawa, Bali dan Sumatera. Pada saat itu

kawasan ini sudah cukup pada dihuni manusia prasejarah yang berpenghidupan sebagai perani dan nelayan.

#### 4. DISPORA MANUSIA PELAUT DAN LAHIRNYA *THEORY OUT OF JAVA* DAN

Walaupun teori Sundaland, teori Atlantis, teori Nusantao dan teori Nusantara yang telah dinyatakan sebelum ini boleh dijadikan satu alternatif untuk merekonstruksi semula pensejarahan di rantau ini namun kehadiran Theory Out of Africa dalam menjelaskan perkara ini harus diberi perhatian yang sewajarnya. Menurut John Hayward dalam karyanya yang berjudul *The Great Migration From the Earliest Human to the Age of Globalization* telah menjelaskan bahawa manusia Afrika yang telah berjaya sampai ke Nusantara atau Sundaland ini telah meneruskan lagi migrasi mereka ke Papua New Guinea dan pantai barat Australia melalui Lombok di Pulau Jawa, Sulawesi dan Flores menggunakan “simple rafts of logs or bamboo” yang diperkirakan berlaku sekitar tahun 38,000SM.

Berdasarkan kepada teori Out of Africa dan penemuan pelbagai fosil manusia purba menunjukkan manusia dari spesies homo-erectus dari ras Negroid yang menyamai ciri-ciri manusia Afrika telah diperkirakan berada di rantau ini sekitar 50,000SM yang lalu. Melalui evolusi masa yang panjang manusia homo- eractus ini akhirnya digantikan dengan manusia homo-sapiens yang diperkirakan bermula sekitar 25,000SM. Contohnya fosil.

Selain manusia wajak, ditemukan juga satu lagi fosil manusia lain yang dikenali sebagai homo- soloensis atau “manusia-Solo” oleh Von Koeningswald dan Weidenrich antara tahun 1931-1934 di sekitar Sungai Bengawan, Solo yang diperkirakan pernah hidup antara 900,000 tahun sampai 300,000 tahun yang lalu.

**Peta 1:** Tapak penemuan manusia homo-sapiens (Java Man) di Pulau Jawa, Indonesia homo-wajakensis atau “manusia wajak” telah ditemukan oleh B.D. van Rietschoten dan Eugene Dubois pada tahun 1889 di Wajak, Jawa Timur



Seterusnya pada tahun 2003, satu lagi fosil manusia pra-sejarah yang dikenali sebagai homo floresiensis atau “manusia Liang Bua” telah ditemui oleh para ahli arkeologi Australia di sebuah gua permukiman prasejarah di Flores, Flores. Justru itu manusia Jawa ini telah mula berlayar menggunakan perahu kayu atau rakit dengan cara menelusuri pesisir pantai Pulau Jawa dan mula menyeberangi laut menuju ke pelbagai pulau di Laut Flores, Laut Sawu, Laut Banda, Laut Timor dan menyebar terutamanya ke Sulawesi, Maluku, Banda, Timor-Timor dan Papua New Guinea. Geoffrey Irwin<sup>12</sup>, seorang ahli arkeologi dari University Auckland dan juga pelayar tangguh pernah menduga bahawa kawasan perairan antara selatan Filipina dan utara Indonesia atau lebih tepatnya di Sulawesi dan Maluku telah menjadi tumpuan awal manusia Jawa ini yang akhirnya menerusi evolusi masa berubah menjadi koridor pertemuan dan pelayaran buat para pelaut Austronesia dan Melanesia sejak awal abad masehi lagi.

Menurut Irwin lagi di sepanjang koridor Laut Sulawesi, Laut Maluku dan Laut Banda merupakan laut-laut tempat para pelaut kuno ini membuat dan mempraktikan perahu-perahu cadik tunggal dan cadik ganda (katamaran) dan teknologi berasaskan layar dan kemudi yang mereka bangunkan. Jika kenyataan Irwin ini boleh diterimapakai, maka tiada mustahilnya para pelaut ini yang mempunyai teknologi pelayaran yang baik telah melakukan migrasi ke Taiwan melalui Sulawesi menuju ke utara Filipina menuju ke pulau Lan Yu dan Pulau Lu Tao yang terletak di antara utara Filipina dengan selatan Taiwan atau Selat Luzon dan bukannya pelaut Taiwan yang bermigrasi ke Filipina seperti yang didakwa oleh Bellwood dan Blust. Menerusi evolusi masa telah berlakunya pertembungan budaya melalui ikatan kekeluargaan di antara pelaut kuno dari selatan Filipina yang pada zaman kolonial sehingga hari ini dikenal sebagai orang Bajau Sama atau Samal, Illanon, Balangingi, Tausog (Suluk), Maimbung, Maranao dan Maguindanao dengan pelaut awal dari Indonesia (Sulawesi, Maluku dan Banda termasuk pelaut Austronesia dan Melanesia) seperti pelaut Sangir, Tobello, Sape, Papua, Bajo, Talaud, Bugis, Mandar dan Buton di koridor Sulawesi ini dan telah mewujudkan asimilasi budaya dan seni pembuatan dan pelayaran perahu-perahu.

**Peta 2:** Illustrasi migrasi pelaut Java Man ke pelbagai pelusuk di Kepulauan Asia Tenggara, Oceania dan Australia



Melalui pelayaran dan penyebaran awal yang dilakukan oleh pelaut Java-Man sebelum dan selepas tahun 6,000SM telah menyebabkan berlakunya asimilasi budaya lalu mewujudkan empat (4) kelompok identiti manusia iaitu kelompok manusia Melanesia iaitu campuran antara sub-mongoloid dan manusia wajak yang bercirikan manusia Afrika; kelompok manusia Proto-Austronesian termasuk manusia Wajak yang juga bercirikan manusia Afrika; kelompok manusia Polynesia dan kelompok manusia Micronesia. Melalui empat kelompok inilah akhirnya telah mewujudkan pelbagai suku di rantau ini seperti suku Aceh, Minangkabau dan Batak di Sumatera, suku Sunda dan Jawa di Jawa, suku Madura di Madura, suku Sasak di Lombok suku Timor di Timor-Timor, suku Dayak di Kalimantan, suku Bugis, Makasar, Toraja dan Minahasa di Sulawesi; dan suku Papua di perbatasan rantau ini.<sup>13</sup> Berdasarkan kepada realiti sejarah ini maka sudah tiba masanya satu teori baharu diperkenalkan iaitu “Teori Manusia Keluar Jawa” atau Theory Out of Java-Man untuk meraikan kepelbagaian pandangan dan mengimbangi teori-teori terdahulu.

Berbalik semula kepada hipotesis kedua bahawa para penghijrah dari Taiwan ini sebenarnya tidak melakukan penghijrahan menggunakan sarana laut menuju Luzon di utara Filipina kerana percaya bahawa pada era tersebut manusia Taiwan ini belum lagi memiliki ilmu kelautan yang tangguh untuk membolehkan mereka belayar di Lautan Pasifik secara terbuka. Penulis juga turut berpandangan bahawa manusia atau penghijrah dari Taiwan ini tidak menggunakan sarana laut untuk melakukan migrasi dan mencapai wilayah-wilayah ini tetapi sebaliknya kembali semula ke tanah besar China dengan menggunakan perahu rakit

(sailing raft) menyeberangi semula Selat Taiwan untuk menyertai lain-lain suku dari wilayah-wilayah di selatan China menuju ke selatan Kepulauan Asia Tenggara menggunakan sarana darat. Berdasarkan kepada sejarah tradisional Taiwan menunjukkan sebelum sebelum pulau ini didatangi oleh orang-orang China yang berasal dari tanah besar China, Pulau Taiwan telah dihuni oleh suku-suku asli atau aborigin seperti suku Ami, Yami, Paiwan, Puyuma, Rukai, Bunun, Tsou, Thao, Atayal dan lain-lain lagi yang juga dikatakan bukannya berasal dari Taiwan sendiri melainkan dari selatan tanah besar Yunan, China sendiri yang dikatakan mula melakukan penghijrahan mereka sekitar tahun 2,500SM. Pulau Taiwan yang juga dikenali sebagai Pakan atau Tapanga orang suku-suku aborigin yang menghuni pulau ini merupakan sebuah pulau yang terletak di sebelah timur dan dipisahkan oleh Selat Taiwan dengan tanah besar besar China.

Menurut sumber sejarah China dikatakan bahawa nama Taiwan hanya mula tercatat dalam sejarah China pada abad ke-7 dan berdasarkan kepada sejarah tradisional Taiwan sendiri suku-suku aborigin yang telah dinyatakan sebelum ini adalah terdiri daripada suku-suku yang berlatarbelakangkan manusia daratan dan bertumpu di kawasan bukit dan pedalaman dan bercirikan budaya agraria (pertanian) sepertimana yang diamalkan oleh nenek moyang mereka di tanah besar China. Bagi suku-suku aborigin yang menetap di pesisir pantai di Selat Taiwan yang menghadap tanah besar China dan bahagian utara Taiwan yang berhampiran dengan Pulau Ryuku di selatan Jepun pula lebih menumpukan kepada aktiviti perdagangan dan aktiviti perikanan sahaja. Dalam erti kata lain, kehidupan suku- suku aborigin ini nampaknya lebih dibayangi oleh suku-suku dari tanah besar.

China dan kepulauan di selatan Jepun. Berdasarkan kepada penjelasan ini jelas menunjukkan bahawa suku-suku aborigin di Pulau Taiwan ini bukannya bercirikan suku atau bangsa pelaut yang tangguh dan tidak mempunyai pengalaman luas dalam ilmu kelautan.

Selain dari itu saiz Pulau Taiwan yang besar, mempunyai tanah daratan yang luas dan sesuai untuk tujuan agraria serta tidak mempunyai banyak pulau- pulau kecil di sekelilingnya sudah pastinya telah menjadikan penduduk di pulau ini berjiwa agraris dan sekaligus turut membataskan misi dan visi budaya bahari dan sekaligus juga telah membataskan wawasan bahari atau kelautan dalam diri mereka. Justru itu berdasarkan kepada realiti sejarah dan ketiadaan rekod-rekod yang pernah menujukkan manusia di Pulau Taiwan pernah melakar sejarah dan melahirkan tokoh-tokoh pelaut ulung sepertimana Zheng He dari China maka adalah sukar untuk menyatakan bahawa manusia awal di Pulau Taiwan ini mempunyai jiwa dan teknologi bahari yang mampu menjelajah laut dan lautan dalam jarak jauh menggunakan sarana laut.

Dalam hipotesis sebelum ini telah dinyatakan bahawa bukannya suku-suku aborigin dari Taiwan yang melakukan penghijrahan ke Filipina tetapi sebaliknya iaitu suku-suku pelaut yang berasal dari Filipina dan Sulawesi yang telah bermigrasi ke Taiwan dan berasimilasi pula dengan penduduk aborigin di sana dan berlakunya proses berbalik iaitu membawa suku-suku aborigin dari Taiwan ke Filipina dan Sulawesi melalui jalan laut dan menggunakan perahu bercadik yang diterajui oleh para pelaut Filipina (Pelaut Tausug-Iranun- Balangingi-Bajau) dan para pelaut Sulawesi yang bercirikan pelaut Malayo-Polynesian. Dengan mengambilkira Theory of Nusantao yang diperkenalkan oleh Solheim<sup>14</sup> maka tidak mustahil untuk diperkirakan bahawa para pelaut awal Filipina (mungkin suku Tausug-Iranun-Balangingi-Bajau) yang bercirikan pelaut Austronesian ini telah bermigrasi ke Taiwan bersama-sama dengan lain-lain suku dari Kalimantan.

Berdasarkan kepada rekod-rekod sejarah maritim juga mendapati bahawa kesedaran bangsa China (termasuk Taiwan) untuk menjelajah dan menguasai laut dan lautan dunia agak "keterbelakang" berbanding dengan lain- lain bangsa dunia seperti Arab, India dan Melayu

disebabkan oleh dasar tutup pintu yang diamalkan oleh dinasti-dinasti awal di China. Jika kita memperakui akan fakta sejarah ini maka sudah pastinya tidak logik dari segi akal bahawa para penghijrah yang berasal dari Taiwan sejak tahun 4,000SM telah membangun dan menggunakan perahu atau kapal yang mampu merempuh ombak dan badai di Lautan Pasifik yang mampu membawa jumlah imigran yang ramai. Apa yang jelas ialah sejarah peradaban maritim purba di China bermula dengan penciptaan perahu rakit yang diperbuat daripada buluh sebagai bahan utama untuk pelayaran di sungai, pesisir pantai dan antar-pulau dalam jarak dekat sahaja. Ini kerana perahu jenis ini tidak kukuh dan tidak berupaya mengharungi ombak dan badai Lautan Pasifik yang cukup ganas.

## 5. PENUTUP

Sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini, histiografi kelautan di Kepulauan Asia Tenggara atau Nusantara selepas tamatnya Perang Dunia Kedua oleh para sarjana barat mahupun sarjana tempatan nampaknya mula berubah dari European Centric kepada Asian Centric dan Malay Centric. Perubahan dalam pemikiran dan seterusnya mempengaruhi hala tuju penulisan mereka ini dilakukan atas satu tanggungjawab untuk meluruskan kembali fakta dan tafsiran penulisan terdahulu yang dibayangi dengan pelbagai kepentingan pihak tertentu sehingga banyak menyimpang dari realiti sebenar apa yang benar-benar belaku dari perspektif empunya sejarah itu sendiri. Ini kerana sebahagian para penulis barat ini hanya mencatat dan menulis apa yang mereka saksikan tanpa memahami sepenuhnya latar belakang manusia dan budaya sesuatu bangsa tersebut. J.C. Van Leur pernah menyatakan bahawa untuk melihat sejarah Kepulauan Asia Tenggara sudah pastinya jangan dari geladak-geladak kapal VOC tetapi harus melihatnya dari dalam dansisi perahu dan kapal para pelaut, pelayar dan pedagang sendiri.

Dalam erti kata lain sejarah tamadun pelaut pada waktu itu hanya dapat dijejaki dalam bentuk peninggalan berupa artifak, seni cadas dan prasasti yang sudah pastinya mengalami kerosakan dan kemusnahan akibat di mamah usia mengikut peredaran masa. Sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini untuk memahami pensejarahan maritim lampau moyang Kepulauan Asia Tenggara sebagai suatu bangsa pelaut terawal tidak boleh dimulai dengan pensejarahan kelautan pada abad masehi atau semasa telah berdirinya kerajaan-kerajaan bercirikan maritim utama seperti kerajaan Koying, Kantoli, Srivijaya, Majapahit, Mataram kuno, Sailendra, Bentan, Samudera-Pasai, Aceh, Makassar dan sebagainya antara abad ke-6M hingga abad ke-18 tetapi harus dijejaki sejak sebelum abad masehi lagi iaitu pada zaman pra-sejarah atau pra-aksara.

Zaman pra-sejarah di rantau ini telah memperlihatkan kewujudan manusia purba yang dikenali sebagai homo-sapiens yang diperkirakan telah menghuni rantau ini sejak zaman holosen lagi iaitu sekitar tahun 25,000SM. Peranan dan sumbangan manusia purba di rantau ini yang dikatakan berasal dari Afrika tidak sewajarnya dipinggirkan lantas dilupakan dalam penelitian dan penulisan sejarah kelautan di Kepulauan Asia Tenggara bahkan juga di Kepulauan Oceania dan benua Australia pada masa kini. Berdasarkan kepada penemuan-penemuan fosil

Fosil manusia lain yang dikenali sebagai homo soloensis atau "manusia Solo" di sekitar Sungai Bengawan, Solo di Indonesia dan manusia Perak-Man dan manusia Niah-Man di Malaysia telah membuktikan telah adanya manusia purba yang dikemudiannya menempuh pelbagai tahap evolusi budaya, beradaptasi dan berasimilasi dengan manusia dari luar lalu membentuk manusia moden yang menjadi moyang atau leluhur bangsa di Kepulauan Asia Tenggara. Selain menjadi suatu peristiwa, penelitian dan penulisan berhubung sejarah homo-sapiens dan sejarah kelautan juga penting untuk dijadikan peringatan (reminder) seperti yang

diperkatakan oleh Susanto Zuhdi iaitu "...The history of maritime searches all human activities regarding the seas with their variety of aspects. In these case, maritime history function to record and provide any information for any interests, including for topographical names of the world... In other words, the history of maritime actually plays an important role as reminders" homo wajakensis atau "manusia wajak" di Wajak, Jawa Timur kemudiannya ditemukan lagi

## 6. DAFTAR PUSTAKA

- <sup>1</sup>Peta Sejarah Sebaran Gen Indonesia, National Geographic Indonesia, Mac 2006.
- <sup>2</sup>Untuk penjelasan lanjut sila lihat Mohd. Arof Ishak, *Tamadun Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 2009, hlm. 18. Juga lihat Samodra Wibawa. *Negara- Negara di Nusantara: Dari Negara Kota hingga Negara-Bangsa dan Dari Modernisasi hingga Reformasi Administrasi*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press,2011.
- <sup>3</sup>John Hayward, *The Great Migration From the Earliest Human to the Age of Globalization*, London: Quercus Publishers, 2008, hlm. 16. Juga lihat Bernard Campbell, *Humankind Emerging*, New York: Little, Brown and Companies, 1976.
- <sup>4</sup>Lihat semula John Hayward, *The Great Migration From the Earliest Human to the Age of Globalization*, London: Quercus Publishers, 2008.
- <sup>5</sup>Lihat semula John Hayward, *The Great Migration*, hlm. 6.
- <sup>6</sup>Lihat semula John Hayward, *The Great Migration*, hlm. 18.
- <sup>7</sup>Arysio Santos, *Atlantis: The Lost Continent Finally Found: The Definitive Localization of Plato's Lost Civilization*, Seattle: Atlantis Publication Inc., 2009. Juga lihat Frank Joseph, *The Lost Civilization of Lemuria: The Rise and Fall of the World's Oldest Culture*, Vermont: Bear & Company, 2006.
- <sup>8</sup>Stephen Oppenheimer, *Eden in the East: The Drowned Continent of Southeast Asia*, London: Weidenfield & Nicholson, 1998.
- <sup>9</sup>Makalah yang berjudul "Nusantara di Pusaran Awal Peradaban Dunia" ini telah dibentangkan oleh Oki Oktariadi pada Persidangan yang bertemakan "Diskusi Pengaruh Peradaban Nusantara di Dunia" bertempat di Hotel Sultan, Jakarta pada 23 Oktober 2010.
- <sup>10</sup>Untuk penjelasan lanjut sila lihat Oki Oktaria , "Nusantara di Pusaran Awal Peradaban Dunia" dalam *Persidangan Diskusi Pengaruh Peradaban Nusantara di Dunia* bertempat di Hotel Sultan, Jakarta, 23 Oktober 2010, hlm 5.
- <sup>11</sup>John Hayward, *The Great Migration From the Earliest Human to the Age of Globalization*, London: Quercus Publishers, 2008
- <sup>12</sup>Untuk penjelasan lanjut sila lihat Geoffrey Irwin, *The Prehistoric Exploration and Colonisation of the Pacific*, Cambridge: Cambridge University Press, 1994.
- <sup>13</sup>Untuk penjelasan lanjut berhubung ciri-ciri khas bangsa Indonesia sila lihat Drs. Bonar Simangunsong, *Laut. 2015. Masa Depan Indonesia*, Jakarta: Penerbit Gematama. hlm. 194.
- <sup>14</sup>Menurut Wilhelm G. Solheim Nusantao terbit dari dua perkataan iaitu *nusa* untuk selatan dan *tau* atau *tao* untuk orang yang bermaksud "people of the south islands". Menurut Solheim lagi, dalam tempoh ini telah wujudnya jaringan-jaringan pelayaran oleh pelaut Austronesia dan bukan Austronesia di pulau-pulau di Kepulauan Asia Tenggara.
- <sup>15</sup>Susanto Zuhdi. (2014). *Nasionalisme. Laut dan Sejarah*. Depok: Komunitas Bambu. hlm. 129.